
BAB 1
EKONOMI
PENGENALAN KEPADA EKONOMI

1.0: PENDAHULUAN

(Bahagian Mikroekonomi)
Edisi Ke-4

Kehidupan seseorang manusia dalam dunia ini adalah sentiasa berhadapan dengan belbagai cabaran. Cabaran-cabaran ini adalah dalam berbagai bentuk seperti masalah ada tak makanan yang hendak dimakan pada hari ini, apakah makanan itu, dan berapa banyak? Persoalan apakah pakaian yang perlu di pakai hari ini? Persoalan bagaimanakah bentuk rumah yang akan diduduki, berapa harganya, berapa jauh dari tempat kerja, siapa jirannya dan sebagainya? Apakah pekerjaan yang harus di lakukan untuk membolehkan kita hidup? Apakah kenderaan yang akan kita gunakan untuk kita pergi ke tempat kerja, dan seribu satu macam lagi persoalan yang akan hadapi dalam kita menjalani kehidupan seharian ini.

Permasalahan ini tidak sahaja berlaku kepada seorang pengguna, tetapi juga berlaku kepada pengeluar, firma dan sesiapa sahaja yang menjalankan operasi perniagaan. Tetapi permasalahan yang dihadapi oleh pengeluar ini tidak akan sama dengan permasalahan yang dihadapi oleh seorang pengguna. Misalnya saya sebagai seorang pengusaha yang bercita-cita untuk membuka sebuah institusi Pendidikan. Apakah pekar-pekerja yang saya mesti lakukan supaya cita-cita saya ini terlaksana? Pertama yang saya harus fikirkan ialah berapakah jumlah modal yang saya miliki? Cukup atau tidak modal yang saya miliki ini? Di manakah saya boleh perolehi modal tambahan jika saya memerlukannya? Bagaimana bentuk kampus institusi tersebut, di mana institusi tersebut akan di bina? Apakah program yang akan ditawarkan, dari mana pelajar-pelajar ini datang, berapakah yuran pengajian yang harus di kenakan? Mampukah pelajar-pelajar ini bayar yuran pengajian yang akan ditetapkan, berapa tahunkan tempoh pengajiannya, berapa ramai yang saya mesti perolehi bagi memastikan saya mendapat keuntungan, berapa ramaikah bilangan pensyarah yang saya perlu miliki, dan seribu satu persoalan yang saya mesti selesaikan.

Begitu juga dengan pengusaha-pengusaha lain. Jika mereka ingin mengeluarkan barangan, persoalan yang sama akan mereka hadapi seperti mana saya hadapi, iaitu apakah yang yang hendak dikeluarkan, berapa modalnya, ada tak pasaran untuk barangan tersebut. Apakah teknologi yang akan digunakan, di mana alat-alat jentera tersebut boleh diperolehi, dan seribu satu jenis masalah

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

yang akan mereka hadapi. Semua permasalahan ini akan berkaitan dengan apa yang terdapat dalam perkataan **ekonomi**.

Dalam konteks yang lebih besar, seperti negara, permasalahan ekonomi ini akan menjadi semakin kompleks. Ini kerana segala tindakan yang diambil atau dibuat oleh kerajaan akan memberi kesan ke atas setiap individu rakyat dan unit perniagaan yang terdapat di negara tersebut. Sebagai contoh, apabila kerajaan Malaysia mengumumkan kenaikan harga minyak petrol dan disel di pasaran sebanyak RM0.70 seliter, pada bulan April 2008. Maka seluruh rakyat Malaysia telah mengeluh. Ini kerana kenaikan harga minyak ini akan memberi kenaikan kos dan harga ke atas semua barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia. Perkara ini berlaku kerana minyak adalah merupakan input atau faktor pengeluaran yang sangat penting dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini. Maka kesan seterusnya ialah akan wujud sebahagian dari rakyat Malaysia ini akan mengalami kemerosotan dalam tingkat kebajikannya dan sebahagian lagi akan terus menjadi semakin miskin. Persoalan-persoalan ini adalah merupakan persoalan **ekonomi** dalam kehidupan kita.

Di peringkat antarabangsa pula permasalahan “ekonomi” ini akan menjadi lebih kompleks lagi berbanding dengan bagi sebuah negara. Peperangan yang wujud di dunia ini daripada zaman dahulu kala hinggalah peperangan di Iraq dan Afganistan sekarang adalah bermotifkan “ekonomi”. Sebagai contoh, peperangan di Iraq yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat pada tahun 2002 – 2009 adalah atas tujuan ekonomi, iaitu Amerika Syarikat cuba menguasai sumber minyak di Timor Tengah. Peperangan di Iraq ini telah melibatkan kos sebanyak US\$3.00 trilion, sehingga kerajaan Amerika hilang kemampuan untuk meningkatkan ekonomi negaranya sendiri. Kesan seterusnya ialah mulai tahun 2008 Amerika sendiri telah mengalami kemelesetan. Oleh sebab Amerika, sebuah kuasa ekonomi terbesar di dunia, kemelesetan ekonomi di Amerika telah menyebabkan dunia pada keseluruhannya mengalami masalah yang sama.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, kita dapat membuat kesimpulan *iaitu semua permasalahan ekonomi yang wujud didunia ini, baik yang dihadapi oleh manusia sebagai seorang pengguna, sebagai pengeluar atau sebagai sebuah negara adalah disebabkan oleh*

- i. **kehendak manusia yang tidak terhad.** Apa yang dimaksudkan di sini ialah adalah menjadi kelakuan manusia sentiasa tidak berpuas hati tentang dengan apa yang mereka miliki, mereka sentiasa inginkan sesuatu barang dan perkhidmatan yang sentiasa lebih banyak dan lebih baik. Misalnya anda, yang pada masa ini adalah seorang pelajar, dan tidak mempunyai wang sendiri, anda akan berfikir bahawa langkah seronoknya hidup ini jika aku

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

dapat kerja dengan gaji sebanyak RM1,000.00 sahaja. Tetapi percaya tak kalau saya katakana apabila anda memperolehi pendapatan sebanyak RM1,000.00 itu, anda akan mengatakan bahawa RM1,000.00 adalah tidak mencukupi, dan anda inginkan pendapatan yang lebih banyak lagi, mungkin RM2,000.00, kemudian meningkat kepada RM4,000.00 dan seterusnya. Percayakah anda di Malaysia ini ada seorang pengurus bank memperolehi pendapatan sebanyak RM9.6 juta setahun? Itupun masih tidak mencukupi baginya. Begitu juga seorang pengusaha, yang pada mulanya bercita-cita untuk memperolehi keuntungan sebanyak RM10,000.00, tetapi selepas memolehinya beliau ingin keuntungan yang lebih tinggi lagi seperti RM100,000.00, RM1.00 juta dan sebagainya.

- ii. Walau bagaimanapun semua kehendak manusia ini adalah dibatasi oleh **pemilikan faktor oleh manusia yang terhad**. Ini adalah seperti keupayaan manusia yang terhad, pemilikan modal dan tanah serta pengetahuan yang terhad. Begitu juga dengan seorang pengusaha, mereka juga mempunyai faktor-faktor pengeluaran yang terhad, jumlah modal yang terhad, jumlah tanah yang terhad, jumlah bahan-bahan mentah yang terhad dan sebagainya.

Maka lanjutan daripada **pemilikan faktor-faktor yang terhad**, menyebabkan manusia sebagai seorang pengguna atau sebagai seorang pengeluar, atau sebagai sebuah negara, tidak akan dapat memenuhi semua kehendak yang diinginkan. Oleh yang demikian maka wujudlah **bidang kajian ekonomi** pada hari ini. Sepatutnya bidang ekonomi haruslah dipelajari oleh setiap manusia yang hidup, kerana segala yang berlaku di dunia ini akan melibatkan kesejahteraan kehidupan setiap insan.

